




**penyata
kewangan**



- 166 LAPORAN PENGARAH
- 170 PENYATA OLEH PARA PENGARAH
- 170 AKUAN BERKANUN
- 171 LAPORAN JURUAUDIT
- 172 PENYATA PENDAPATAN
- 173 KUNCI KIRA-KIRA
- 175 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN
- 176 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI SYARIKAT
- 177 PENYATA ALIRAN TUNAI
- 180 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

laporan pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka kepada ahli-ahli bersama-sama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembinaan, pembangunan harta tanah dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya.

Kumpulan pada dasarnya terlibat dalam pembangunan dan pelaburan harta tanah, kejuruteraan, infrastruktur, perkhidmatan bangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembinaan.

Tiada perubahan ketara yang berlaku terhadap aktiviti Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan daripada aktiviti biasa selepas cukai	16,672	5,142
Kepentingan minoriti	(2,906)	-
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang saham	13,766	5,142

DIVIDEN

Tiada dividen yang telah dibayar atau diisyithar oleh Syarikat semenjak 31 Disember 2004. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan dalam penyata kewangan.

laporan pengarah (sambungan)

SKIM PILIHAN SAHAM KAKITANGAN

Skim Pilihan Saham Kakitangan ('SPSK' atau 'Skim') Malaysian Resources Corporation Berhad telah diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 12 Ogos 2002 dan berkuatkuasa pada 5 September 2002.

Butir-butir SPSK adalah terkandung dalam Undang-Undang Kecil dan ciri-ciri utama mengenainya dinyatakan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan.

Sepanjang tahun kewangan, bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang termasuk di bawah pilihan yang diberi, dilaksana dan luput berhubung SPSK adalah seperti berikut:

Pecahan	Tarikh	Harga	Bil. saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang termasuk di bawah pilihan				31.12.2005
			Pada 1.1.2005	Diberi	Dilaksana	Luput	
1	6 Sep 2002	RM1.06	26,170,000	–	–	(2,625,000)	23,545,000
2	26 Mei 2003	RM1.00	8,553,449	–	–	(963,625)	7,589,824
3	2 Apr 2004	RM1.00	10,017,492	–	–	(1,048,500)	8,968,992
			44,740,941	–	–	(4,637,125)	40,103,816

Syarikat telah diberi pengecualian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia daripada keperluan untuk mendedahkan nama-nama pemegang pilihan yang diberi kurang daripada 200,000 pilihan pada 31 Disember 2005.

Nama-nama pemegang dan jumlah pilihan yang diberikan di bawah SPSK yang melebihi 200,000 pilihan adalah seperti berikut:

Nama	Bil. pilihan diberi
Shahril Ridza Ridzuan	500,000
Dato' Ibrahim Abu Bakar	360,000
Wong Dor Loke	316,250
Mohd Nor Abdul Karim	309,500
Chan Chee Meng	280,000
Dr. Shaharizuan Shafiei	280,000
Sabariah Mohamed Amin	221,250
Chong Chin Ann	216,000
Hussin Mohd Ali	209,250
Mohamed Noor Rahim Yahaya	202,500

laporan pengarah (sambungan)

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh semenjak tarikh laporan yang lepas adalah:

Datuk Azlan Mohd Zainol (Pengerusi)

Shahril Ridza Ridzuan (Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif)

Dato' Ahmad Hj. Ibhijahar

Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar

Abdul Rahman Ahmad

Dr. Roslan A Ghaffar

Ahmad Zaki Zahid

Mohamad Lotfy Mohamad Noh

Datuk Zahari Omar (Naib Presiden Eksekutif)

(dilantik pada 20.7.2005)

(meletak jawatan pada 26.5.2005)

Sejajar dengan Artikel 106 Tatacara Pertubuhan Syarikat, Mohamad Lotfy Mohamad Noh yang dilantik sebagai Ahli Lembaga sepanjang tempoh ini selepas Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang lepas, bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan disebabkan layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

Sejajar dengan Artikel 101 Tatacara Pertubuhan Syarikat, Shahril Ridza Ridzuan dan Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan disebabkan layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan yang membabitkan Syarikat sebagai satu pihak, dengan perkara atau perkara-perkara yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur dalam Syarikat atau badan korporat lain kecuali pilihan ke atas saham yang diberikan oleh Syarikat kepada Pengarah Eksekutif Kumpulan menurut SPSK.

Sejak akhir tahun kewangan yang terdahulu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada ganjaran dan manfaat para Pengarah yang dinyatakan dalam Nota 11 kepada penyata kewangan) hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan pilihan ke atas saham Syarikat dan perbadanan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Syarikat	Bilangan pilihan ke atas saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu				
	Pada 1.1.2005	Diberi	Dilaksana	Luput	Pada 31.12.2005
Shahril Ridza Ridzuan	500,000	-	-	-	500,000

Pengarah-pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat dan perbadanan yang berkaitan.

laporan pengarah (sambungan)

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disiapkan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang-hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang-hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang-hutang, yang tidak mungkin mencapai nilai bukunya dalam amalan biasa perniagaan seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya hingga ke jumlah yang dianggarkan dapat diperolehi semula.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah hutang-hutang lapuk yang dihapuskira atau jumlah peruntukan bagi hutang-hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menyebabkan kekeliruan terhadap nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang berbangkit yang boleh mendatangkan kekeliruan atau kejanggalan kepada kaedah yang sedia ada untuk menilai aset atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain dikuatkuasakan atau berkemungkinan besar akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan di mana, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin memberi kesan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menyelesaikan tanggungan apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang tuntutan ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan kerana menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diliputi dalam laporan atau penyata kewangan yang mana boleh menyebabkan kekeliruan pada sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa kecuali seperti yang didedahkan dalam penyata pendapatan; dan
- (b) tiada perkara, urusniaga atau kejadian yang ketara dan luar biasa yang timbul antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang boleh menjelaskan keputusan-keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

Sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 10 April 2006.

SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif

DR. ROSLAN A GHAFFAR
Pengarah

penyata oleh para pengarah

menurut seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, **SHAHRIL RIDZA RIDZUAN** dan **DR. ROSLAN A GHAFFAR**, dua orang daripada para Pengarah **MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD**, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 172 hingga 236 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 10 April 2006.

SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif

DR. ROSLAN A GHAFFAR

Pengarah

akuan berkanun

menurut seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, **CHONG CHIN ANN**, Pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD**, dengan secara bersungguh-sungguh dan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 172 hingga 236, pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan yang bersungguh-sungguh ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Akuan Berkanun, 1960.

CHONG CHIN ANN

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas **CHONG CHIN ANN** di **KUALA LUMPUR**, Malaysia pada 10 April 2006.

Di hadapan saya,

MOHD RADZI BIN YASIN (No. W327)

No. 86, Tingkat Bawah
Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

PESURUHJAYA SUMPAH

laporan juruaudit

kepada ahli-ahli Malaysian Resources Corporation Berhad
(No. Syarikat 7994-D)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 172 hingga 236. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat, berdasarkan audit kami, ke atas penyata kewangan tersebut, dan melaporkan pendapat kami kepada ahli-ahli sekalian, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti-bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga meliputi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan. Kami percaya bahawa audit yang kami laksanakan memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai:
- (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambilkira dalam penyata kewangan; dan
 - (ii) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;

dan

- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar-daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna, selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran di bawah seksyen 174(3) Akta tersebut.

PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
10 April 2006

THAYAPARAN A/L S. SANGARAPILLAI

(No. 2085/09/06 (J))

Rakan dalam firma

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Malaysian Resources Corporation Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Malaysian Resources Corporation Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

penyata pendapatan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005

	Nota	Kumpulan 2005 RM'000	2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	2004 RM'000
Perolehan	6	323,825	188,301	216,785	42,374
Kos jualan	7	(217,059)	(104,956)	(174,998)	(25,954)
Keuntungan kasar		106,766	83,345	41,787	16,420
Pendapatan operasi lain:					
– keuntungan daripada pelupusan pelaburan	8	1,059	21,014	1,059	34,624
– lain-lain	8	26,844	23,763	5,737	4,687
Kos jualan dan pengedaran		(3,001)	(3,752)	(293)	(92)
Perbelanjaan pentadbiran		(43,613)	(45,120)	(10,811)	(12,265)
Perbelanjaan operasi lain:					
– (kerugian rosotnilai)/penyataan semula kerugian rosotnilai		(8,873)	7,117	(21,033)	(16,480)
– (peruntukan)/penyataan semula bagi hutang rugu					
• syarikat-syarikat subsidiari		–	–	67	(47,445)
• lain-lain		(164)	6,323	2,898	8,542
– lain-lain		(11,899)	(18,148)	(4,497)	(9,190)
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	9	67,119	74,542	14,914	(21,199)
Kos kewangan	12	(57,079)	(65,697)	(9,772)	(14,054)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		12,670	8,567	–	–
Bahagian keputusan entiti dikawal bersama		2,241	4,926	–	–
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai		24,951	22,338	5,142	(35,253)
Cukai	13				
• Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari (2004: termasuk cukai dibayar balik yang mana dianggap tidak akan diperolehi semula pada tahun terdahulu sebanyak RM16,831,000 untuk Kumpulan dan Syarikat)		(1,896)	24,801	–	16,831
• syarikat-syarikat bersekutu		(6,383)	(6,338)	–	–
• entiti dikawal bersama		–	(2,530)	–	–
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa selepas cukai		16,672	38,271	5,142	(18,422)
Kepentingan minoriti		(2,906)	(4,662)	–	–
Keuntungan/(kerugian) bersih boleh diagihkan kepada pemegang saham		13,766	33,609	5,142	(18,422)
Pendapatan sesaham (sen):					
– Asas	14	1.8	4.4		

kunci kira-kira

pada 31 Disember 2005

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, loji dan peralatan				
– hartanah, loji dan peralatan operasi	15(a)	22,869	20,624	1,242
– hartanah pelaburan	15(b)	174,004	176,912	–
		196,873	197,536	1,242
Tanah dipegang bagi pembangunan harta	16(a)	869,576	823,962	3,800
Perbelanjaan pembangunan lebuhraya	17	–	–	–
Syarikat-syarikat subsidiari	18	–	–	331,587
Syarikat-syarikat bersekutu	19	272,626	266,592	12,600
Entiti dikawal bersama	20	5,364	5,299	–
Pelaburan lain	21	8,172	9,405	8,172
Muhibah daripada penyatauan		10,000	10,000	–
Aset cukai tertunda	22	3,877	3,193	–
		1,366,488	1,315,987	357,401
				359,377
ASET SEMASA				
Inventori	23	24,236	32,155	7,707
Kos pembangunan harta	16(b)	173,202	164,217	138,247
Penghutang dagangan dan lain-lain	24	181,043	140,733	90,008
Jumlah hutang oleh syarikat-syarikat subsidiari	24	–	–	202,562
Cukai boleh diperolehi semula		7,364	19,853	1,748
Sekuriti bolehniaga	26	26,482	86,468	26,447
Baki di bank dan simpanan	27	251,707	151,320	63,460
		664,034	594,746	530,179
				400,145
TANGGUNGAN SEMASA				
Peruntukan bagi tanggungan dan caj	28	3,231	9,064	–
Pembiutang dagangan dan lain-lain	29	257,597	217,398	54,700
Jumlah hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	29	–	–	240,589
Cukai		805	89	–
Pinjaman jangka pendek	31	104,127	235,018	35,516
Bon	32	80,000	–	–
		445,760	461,569	330,805
				347,636
ASET SEMASA BERSIH				
		218,274	133,177	199,374
				52,509

kunci kira-kira
pada 31 Disember 2005 (sambungan)

	Nota	Kumpulan 2005 RM'000	Kumpulan 2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	Syarikat 2004 RM'000
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA					
Peruntukan bagi tanggungan dan caj	28	705	—	—	—
Bon	32	714,684	793,672	—	—
Tanggungan manfaat selepas perkhidmatan	33	7,964	7,001	2,521	2,201
Pinjaman jangka panjang	34	293,703	95,555	159,549	20,000
Tanggungan jangka panjang	35	1,675	785	25	147
Tanggungan cukai tertunda	22	3,043	2,161	—	—
		1,021,774	899,174	162,095	22,348
		562,988	549,990	394,680	389,538
MODAL DAN RIZAB					
Modal saham	36	768,186	768,186	768,186	768,186
Rizab		(288,190)	(301,077)	(373,506)	(378,648)
Ekuiti pemegang saham		479,996	467,109	394,680	389,538
KEPENTINGAN MINORITI					
		82,992	82,881	—	—
		562,988	549,990	394,680	389,538

penyata perubahan dalam ekuiti yang disatukan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005

	Modal Saham Nilai nominal (Nota 36) RM'000	Rizab daripada penyatuan (Nota 38) RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2005	768,186	79,332	(380,409)	467,109
Tanggungan cukai tertunda daripada lebihan penilaian	–	–	(879)	(879)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	–	–	13,766	13,766
Pada 31 Disember 2005	768,186	79,332	(367,522)	479,996
Pada 1 Januari 2004	768,171	79,332	(411,868)	435,635
Penerbitan modal saham	15	–	–	15
Tanggungan cukai tertunda daripada lebihan penilaian	–	–	(2,150)	(2,150)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	–	–	33,609	33,609
Pada 31 Disember 2004	768,186	79,332	(380,409)	467,109

penyata perubahan dalam ekuiti syarikat

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005

	Modal saham		
	Nilai		
	nominal	Kerugian	
	(Nota 36)	terkumpul	
	RM'000	RM'000	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2005	768,186	(378,648)	389,538
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	5,142	5,142
Pada 31 Disember 2005	768,186	(373,506)	394,680
Pada 1 Januari 2004	768,171	(360,226)	407,945
Penerbitan modal saham	15	-	15
Kerugian bersih bagi tahun kewangan	-	(18,422)	(18,422)
Pada 31 Disember 2004	768,186	(378,648)	389,538

penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005

	Kumpulan 2005 RM'000	Kumpulan 2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	Syarikat 2004 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa selepas cukai dan kepentingan minoriti	13,766	33,609	5,142	(18,422)
Pelarasan bagi:				
Cukai	8,279	(15,933)	—	(16,831)
Kepentingan minoriti	2,906	4,662	—	—
Bahagian keputusan:				
– syarikat-syarikat bersekutu	(12,670)	(8,567)	—	—
– entiti dikawal bersama	(2,241)	(4,926)	—	—
Pendapatan dividen	—	—	(6,334)	(2,125)
Perbelanjaan faedah	51,906	62,452	7,808	13,403
Kerugian rosotnilai/(penyataan semula kerugian rosotnilai) dalam:				
– syarikat-syarikat subsidiari	—	—	14,047	30,972
– syarikat-syarikat bersekutu	—	7,089	—	—
– tanah dipegang bagi pembangunan harta tanah	1,687	286	—	—
– sekuriti bolehniaga	7,186	(14,492)	6,986	(14,492)
Muhibah dihapuskira	—	145	—	—
Peruntukan/(penyataan semula) bagi hutang ragu	164	(6,323)	(2,965)	38,903
Penyataan semula bagi perbelanjaan pembangunan lebuhraya	(30)	—	—	—
Harta tanah, loji dan peralatan operasi:				
– susutnilai	4,593	5,297	689	1,010
– dihapuskira	8	205	—	198
– (keuntungan)/kerugian bersih daripada pelupusan	(412)	(1,468)	8	(39)
Susutnilai bagi harta tanah pelaburan	2,908	4,016	—	—
Peruntukan bagi inventori usang	—	405	—	85
(Penyataan semula)/peruntukan bagi:				
– tanggungan dan caj	(1,917)	38	—	—
– tanggungan manfaat selepas perkhidmatan	1,488	1,318	324	365
Pelunasan perbelanjaan terbitan bon	1,012	1,012	—	—
Hutang lapuk dihapuskira/(diperolehi semula)	—	3,242	(32)	3,025
Pengecualian faedah	—	(3,777)	—	—
Penyataan semula akruan yang tidak lagi diperlukan	(4,290)	—	—	—

penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 (sambungan)

	Kumpulan 2005 RM'000	2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	Syarikat 2004 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)				
Keuntungan daripada pelupusan/pencairan pelaburan dalam				
– syarikat-syarikat subsidiari	–	(21,014)	–	(34,624)
– sekuriti bolehniaga	(1,059)	–	(1,059)	–
Pendapatan faedah	(4,857)	(5,417)	(3,530)	(4,690)
Keuntungan tidak nyata daripada urusniaga dengan				
syarikat bersekutu	–	26,244	–	–
Perubahan dalam modal kerja:				
(Peningkatan)/pengurangan dalam kos pembangunan hartanah	(17,661)	38,954	(107,283)	(28,002)
Pengurangan dalam pelaburan lain	1,233	883	1,233	867
Pengurangan/(peningkatan) dalam inventori	7,919	(12,199)	1,135	(8,927)
(Peningkatan)/pengurangan dalam penghutang	(37,536)	69,640	(42,607)	13,399
Pengurangan/(peningkatan) dalam jumlah hutang				
oleh syarikat-syarikat subsidiari (bersih)	–	–	39,777	(86,568)
Peningkatan dalam jumlah hutang				
oleh syarikat-syarikat bersekutu (bersih)	(273)	(895)	(292)	–
Pengurangan/(peningkatan) dalam jumlah hutang oleh				
entiti dikawal bersama (bersih)	1,052	(9,068)	–	–
Peningkatan jumlah hutang oleh				
pihak-pihak berkaitan (bersih)	(6,501)	–	–	–
Peningkatan dalam sekuriti bolehniaga	–	(16)	–	–
Peningkatan/(pengurangan) dalam pembiutang	52,527	(11,941)	19,058	25,295
Tunai bersih daripada operasi	69,187	143,461	(67,895)	(87,198)
Faedah diterima	4,857	5,417	3,530	4,690
Dividen diterima daripada:				
– syarikat-syarikat subsidiari	–	–	1,020	1,530
– syarikat bersekutu	5,069	5,069	–	–
Cukai dibayar balik	12,397	19,593	9,877	17,621
Cukai dibayar	(1,770)	(2,654)	–	–
Faedah dibayar	(91,581)	(104,748)	(6,994)	(10,149)
Manfaat persaraan dibayar	(525)	(202)	(4)	(10)
Peruntukan bagi tanggungan dan caj dibayar	(3,211)	(2,450)	–	–
(Cagaran)/pelepasan baki di bank dan simpanan				
tetap sebagai nilai jaminan	(95,657)	(5,871)	(50,434)	16,824
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	(101,234)	57,615	(110,900)	(56,692)

penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 (sambungan)

	Nota	Kumpulan 2005 RM'000	Kumpulan 2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	Syarikat 2004 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Hasil daripada pelupusan sekuriti bolehniaga		54,000	–	54,000	–
Caj-caj pengendalian yang dibayar berhubung pelupusan sekuriti bolehniaga		(141)	–	(141)	–
Hasil daripada pelupusan hartaanah, loji dan peralatan operasi		1,629	14,734	157	90
Aliran tunai bersih daripada pelupusan kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari	5	–	41,983	–	42,924
Langganan saham syarikat subsidiari		–	–	(5,000)	–
Pembelian hartaanah, loji dan peralatan operasi		(8,063)	(5,267)	(1,058)	(364)
Pembelian hartaanah pelaburan		–	(766)	–	–
Langganan saham syarikat-syarikat bersekutu		(8,100)	(3,000)	(8,100)	(3,000)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		39,325	47,684	39,858	39,650
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Hasil daripada:					
– pinjaman berjangka		142,700	8,608	131,596	–
– terbitan saham		–	15	–	15
Pembayaran balik pinjaman berjangka		(75,632)	(114,112)	(57,518)	–
Dividen dibayar oleh sebuah syarikat subsidiari kepada kepentingan minoriti		(2,794)	(1,469)	–	–
Agihan keuntungan daripada usahasama		2,176	2,355	–	–
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		66,450	(104,603)	74,078	15
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI					
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		4,541	696	3,036	(17,027)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	39	73,378	72,682	9,485	26,512
		77,919	73,378	12,521	9,485

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005

1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan. Syarikat juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembinaan, pembangunan harta tanah dan menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya.

Kumpulan pada dasarnya terlibat dalam pembangunan dan pelaburan harta tanah, kejuruteraan, infrastruktur, perkhidmatan bangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembinaan.

Aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan dalam Nota 43 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam tanggungan berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia serta disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Bhd.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah seperti berikut:

Aras 10, Menara MRCB
No. 2, Jalan Majlis 14/10
Seksyen 14
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Bilangan kakitangan bagi Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 650 (2004: 555) dan 95 (2004: 90) orang.

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah yang telah diubahsuai bagi penilaian semula beberapa harta tanah pelaburan dan harta tanah pembangunan tertentu, kecuali seperti yang dinyatakan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan utama di bawah. Penyata kewangan ini mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan yang selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap jumlah aset dan tanggungan yang dilaporkan dan pendedahan aset dan tanggungan luar jangka pada tarikh penyata kewangan serta jumlah perolehan dan perbelanjaan sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada jumlah anggaran tersebut.

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Asas penyatuan

Penyata pendapatan dan kunci kira-kira yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan, bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan berakhir.

Kos pengambilalihan adalah jumlah tunai dibayar dan nilai saksama pada tarikh pembayaran pengambilalihan bagi pertimbangan lain yang diberi oleh pembeli, bersama dengan bahagian langsung perbelanjaan bagi pengambilalihan tersebut. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan yang disatukan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang dikenalpasti dalam syarikat subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah atau rizab daripada penyatuan. Sila rujuk Nota 3 (b) mengenai muhibah dalam dasar perakaunan.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuhan (sambungan)

Kepentingan minoriti ditentukan mengikut bahagian kepentingan minoriti dalam nilai saksama aset dan tanggungan yang boleh dikenalpasti selepas pengambilalihan bagi syarikat yang diambilalih. Pendedahan kepentingan minoriti dibuat secara berasingan.

Urusniaga, baki dan keuntungan tidak nyata daripada urusniaga dalam Kumpulan dihapuskira; kerugian tidak nyata juga dihapuskira kecuali kos yang tidak boleh diperolehi semula. Di mana sesuai, pelarasan dibuat terhadap penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar perakaunan yang diambil pakai oleh Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sesebuah syarikat subsidiari adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan terhadap aset bersihnya berserta dengan muhibah/rizab daripada penyatuhan (selepas ditolak kerugian rosotnilai terkumpul).

(b) Muhibah daripada penyatuhan

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan entiti-entiti dikawal bersama ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai samada wujud sebarang petunjuk rosotnilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, satu analisis akan dilakukan bagi menaksir samada jumlah dibawa aset tersebut boleh diperolehi semula sepenuhnya atau tidak. Pengurangan nilai akan dilakukan jika jumlah dibawa melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

Rizab daripada penyatuhan merupakan lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih diambilalih yang boleh dikenal pasti berbanding kos pengambilalihan. Muhibah negatif dinyatakan sebagai rizab daripada penyatuhan.

(c) Syarikat-syarikat subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain (termasuk perjanjian usahasama) yang mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos. Jika petunjuk rosotnilai wujud, nilai dibawa pelaburan tersebut ditaksir dan dikurangkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

(d) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat perdagangan yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara, tetapi tidak dikawal olehnya. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan berhubung dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos. Jika petunjuk rosotnilai wujud, nilai dibawa pelaburan tersebut ditaksir dan dikurangkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan di dalam penyata pendapatan bahagian Kumpulan dalam keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tahun kewangan tersebut dan bahagiannya dalam perubahan selepas pengambilalihan rizab dalam bahagian rizab. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menunjukkan bahagiannya dalam aset bersih syarikat-syarikat bersekutu tersebut dan meliputi muhibah daripada pengambilalihan (selepas ditolak kerugian rosotnilai terkumpul). Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila nilai dibawa pelaburan dalam sesebuah syarikat bersekutu mencapai sifar, kecuali Kumpulan menanggung atau menjamin tanggungjawab atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan tidak nyata daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapuskira sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut; kerugian tidak nyata juga dihapuskira kecuali urusniaga tersebut mengemukakan bukti tentang rosotnilai bagi aset yang dipindahkan. Dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, di mana sesuai, pelarasan dibuat terhadap penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(e) Entiti-entiti dikawal bersama

Entiti-entiti dikawal bersama adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan mempunyai persetujuan perkongsian kawalan secara berkontrak dengan satu pihak atau lebih berhubung keputusan ke atas dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos. Jika terdapat petunjuk rosotnilai, nilai dibawa pelaburan ditaksir dan dikurangkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

Keputusan dan kepentingan dalam entiti-entiti dikawal bersama diambilkira secara ekuiti dalam penyata kewangan Kumpulan yang disatukan.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan dalam keputusan selepas pengambilalihan entiti-entiti yang dikawal bersama dalam penyata pendapatan dan bahagiannya dalam perubahan selepas pengambilalihan rizab dalam bahagian rizab. Perubahan selepas pengambilalihan terkumpul dilaraskan berbanding kos pelaburan dan termasuk muhibah daripada pengambilalihan (selepas ditolak kerugian rosotnilai terkumpul).

Keuntungan tidak nyata daripada urusniaga antara Kumpulan dan entiti-entiti dikawal bersama dihapuskan hingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti-entiti dikawal bersama tersebut; kerugian tidak nyata juga dihapuskan kecuali urusniaga tersebut mengemukakan bukti tentang pengurangan dalam nilai nyata bersih aset semasa atau rosotnilai bagi aset yang dipindahkan. Dalam menggunakan kaedah ekuiti ini, di mana sesuai, pelarasian dibuat terhadap penyata kewangan entiti-entiti dikawal bersama untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

(f) Matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan tanggungan dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian urusniaga matawang asing dan pertukaran aset dan tanggungan dalam matawang asing dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(g) Pelaburan lain

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan peruntukan bagi rosotnilai dibuat bila mana pada pendapat para Pengarah terdapat kejatuhan nilai selain daripada kejatuhan sementara dalam pelaburan tersebut. Bila mana terdapat kejatuhan nilai selain daripada kejatuhan sementara bagi sesuatu pelaburan, kejatuhan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kejatuhan dikenalpasti.

Apabila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

(h) Sekuriti bolehniaga

Sekuriti bolehniaga dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan berdasarkan jumlah portfolio mengikut kategori pelaburan. Kos diperolehi berdasarkan purata wajaran. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan tukaran saham yang disenaraikan pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan atau pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti bolehniaga dikredit atau dicajkan kepada penyata pendapatan.

Apabila sesuatu pelaburan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan operasi dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul kecuali bagi tanah pegangan bebas yang tidak disusutnilai. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilai kerana ia mempunyai jangka hayat yang tidak terhad.

Hartanah, loji dan peralatan operasi lain disusutnilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran tempoh penggunaannya atau tempoh pajakan, yang mana lebih pendek pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Loji dan jentera	5% – 20%
Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer	5% – 33 1/3%
Kenderaan bermotor	20% – 33 1/3%

Hartanah pelaburan yang dipegang sebagai hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian para Pengarah yang berasaskan kepada penilaian jurunilai profesional pada tahun 1982 menggunakan asas nilai pasaran terbuka, ditolak susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Para Pengarah telah menggunakan perubahan dalam peruntukan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia mengenai penggunaan FRS 116 dalam penubuhan 'Hartanah, Loji dan Peralatan' yang membolehkan tanah pegangan pajakan dan bangunan dinyatakan pada penilaian tahun sebelumnya ditolak susutnilai. Oleh itu, penilaian tidak dikemaskini.

Tanah pegangan pajakan di bawah hartaanah pelaburan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan masing-masing selama antara 66 tahun hingga 99 tahun. Susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos bagi setiap aset sepanjang anggaran tempoh penggunaannya. Kadar susutnilai tahunan utama bagi bangunan di bawah hartaanah pelaburan ialah 2% setahun.

Jika petunjuk rosotnilai wujud, jumlah dibawa aset berkenaan ditaksir dan dikurangkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan jumlah dibawa dan diambilkira dalam keuntungan/(kerugian) daripada operasi.

Pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia ditanggung. Kos pengubahsuaiannya utama diambilkira dalam jumlah dibawa aset apabila ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan melebihi piawaian prestasi aset sedia ada yang ditaksir pada asalnya akan diperolehi oleh Kumpulan. Pengubahsuaiannya disusutnilai sepanjang baki hayat berguna aset berkenaan.

(j) Pajakan kewangan dan sewa beli

Pajakan hartaanah, loji dan peralatan di mana sebahagian besar manfaat dan risiko hak milik dipindahkan kepada Kumpulan dan Syarikat dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang diambilalih di bawah pajakan kewangan dan sewa beli dipermodalkan dalam penyata kewangan pada permulaan pajakan pada yang lebih rendah antara nilai saksama hartaanah yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minima dan disusutnilaikan sejajar dengan dasar perakaunan yang tertera dalam Nota 3(i). Hutang yang belum dijelaskan di bawah pajakan kewangan dan sewa beli selepas ditolak caj kewangan dinyatakan sebagai tanggungan dalam penyata kewangan. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara tanggungan dan caj kewangan untuk mencapai satu kadar faedah seragam yang berkala ke atas baki yang belum dibayar. Unsur-unsur faedah caj kewangan diperuntukkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian masing-masing.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(k) Aktiviti pembangunan hartaanah

(i) Tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah

Tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah meliputi tanah atau bahagian berkenaan dengannya di mana tidak ada kerja pembangunan yang ketara dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan siap dalam perjalanan operasi biasa. Tanah tersebut dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai.

Kos berkaitan pengambilalihan tanah meliputi harga belian tanah berkenaan, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran pertukaran dan levi lain yang berkaitan. Jika sebelum ini Kumpulan telah mencatatkan tanah pada jumlah penilaian semula, ia terus mengekalkan jumlah ini sebagai kos sementaranya seperti yang dibenarkan oleh FRS 201 ‘Aktiviti Pembangunan Hartanah’. Jika petunjuk rosotnilai wujud, jumlah dibawa aset berkenaan ditaksir dan dikurangkan nilainya dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk kepada dasar perakaunan mengenai rosotnilai aset seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(v).

Tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah dipindahkan kepada kos pembangunan hartaanah (di bawah aset semasa) (Nota k(ii)) apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan jika aktiviti pembangunan tersebut boleh disiapkan dalam perjalanan operasi biasa Kumpulan selama dua (2) hingga tiga (3) tahun.

Kos pinjaman dipermodalkan selaras dengan Nota 3(w). Semua kos pinjaman lain dibelanjakan ke dalam penyata pendapatan.

(ii) Kos pembangunan hartaanah

Kos pembangunan hartaanah meliputi kos yang berkaitan dengan pengambilalihan tanah atau bahagian berkenaan dengannya dan semua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti ini.

Kos pembangunan hartaanah dipindahkan dari tanah dipegang bagi pembangunan hartaanah (Nota k(i)) apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan jika aktiviti pembangunan tersebut boleh disiapkan dalam perjalanan operasi biasa Kumpulan selama dua (2) hingga (3) tahun.

Sekiranya keputusan daripada aktiviti pembangunan dapat dianggarkan dengan pasti, perolehan dan perbelanjaan pembangunan hartaanah diiktiraf dengan menggunakan kaedah penyiapan berperingkat. Peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada nisbah kos pembangunan hartaanah yang ditanggung kepada anggaran jumlah kos pembangunan hartaanah tersebut.

Sekiranya keputusan daripada aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan dengan pasti, perolehan pembangunan hartaanah diiktiraf hanya ke tahap kos pembangunan hartaanah yang ditanggung yang mungkin dapat diperolehi semula; kos pembangunan hartaanah untuk unit-unit yang telah dijual diiktiraf bila ia ditanggung.

Tidak kira sama ada keputusan daripada aktiviti pembangunan hartaanah dapat dianggarkan dengan pasti, jika wujud kemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan hartaanah (termasuk perbelanjaan tanggungan kerosakan yang dijangka) akan melebihi jumlah perolehan pembangunan hartaanah, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartaanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai bersih yang boleh diperolehi semula.

Kos pinjaman dipermodalkan selaras dengan Nota 3(w). Semua kos pinjaman lain dibelanjakan ke dalam penyata pendapatan.

Jika perolehan yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan melebihi bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakur di bawah penghutang dagangan dan lain-lain (di dalam aset semasa). Jika pengebilan kepada pembeli melebihi perolehan yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai pengebilan berperingkat di bawah pembiutang dagangan dan lain-lain (di dalam tanggungan semasa).

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(l) Perbelanjaan pembangunan lebuhraya

Perbelanjaan pembangunan lebuhraya mewakili kos yang ditanggung, yang meliputi kos pinjaman berkaitan pembiayaan pembangunan, berhubung dengan Projek Lebuhraya Ipoh-Lumut.

Jumlah perbelanjaan pembangunan yang ditanggung bagi projek ini akan dilunaskan sepanjang baki tempoh konsesi apabila pembinaan lebuhraya siap dan pungutan perolehan tol bermula. Jumlah yang dipermodalkan dicaj sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan bila mana ia dikenalpasti bahawa tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka akan diperolehi daripada perbelanjaan pembangunan lebuhraya tersebut.

(m) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh diperolehi semula bersih.

Kos harta tanah yang belum dijual meliputi kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah, kos langsung dan bahagian yang sesuai daripada peruntukan kos berkaitan dengan aktiviti pembangunan harta tanah.

Nilai boleh diperolehi semula bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

(n) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh diperolehi semula. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kepada kajian ke atas semua jumlah yang tertunggak pada akhir tahun kewangan dan apabila terdapat bukti nyata bahawa Kumpulan dan Syarikat tidak mampu mengutip semua jumlah belum dibayar menurut terma asal penghutang. Hutang lapuk dihapuskira sepanjang tahun kewangan bila mana ia dikenalpasti.

(o) Kontrak pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang dirundingkan secara khusus untuk pembinaan sesebuah aset atau gabungan beberapa aset yang saling berkait atau bergantung antara satu sama lain dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsi atau tujuan atau kegunaan muktamadnya.

Apabila keputusan daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, perolehan kontrak dan kos kontrak diiktiraf sepanjang tahun kewangan kontrak masing-masing sebagai perolehan dan perbelanjaan.

Kumpulan menggunakan kaedah peratusan siap untuk menentukan jumlah perolehan kontrak dan kos kontrak yang sesuai untuk membuat pengiktirafan dalam tempoh tertentu; peringkat penyiapan kontrak pembinaan diukur dengan merujuk kepada nilai kerja yang ditanggung kepada jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak tersebut; peringkat penyiapan kontrak kejuruteraan pula diukur dengan merujuk kepada nisbah kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang dijalankan hingga kini kepada jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak tersebut. Tidak kira sama ada keputusan kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan pasti, apabila wujud kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah perolehan kontrak, jangkaan kerugian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila keputusan daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, perolehan kontrak diiktiraf hanya ke tahap kos kontrak yang ditanggung yang mungkin dapat diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

Tiada keuntungan diiktiraf di mana kerja kontrak masih di peringkat permulaan atau sebelum ia mencapai suatu tahap penyiapan di mana keputusan kewangan daripada kontrak tersebut boleh ditentukan dengan ketepatan yang munasabah.

Jumlah kos yang ditanggung dan keuntungan/kerugian yang diiktiraf bagi setiap kontrak dibandingkan dengan bil berperingkat sehingga akhir tahun kewangan. Apabila kos ditanggung dan keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, bakinya ditunjukkan sebagai 'Jumlah hutang oleh pelanggan bagi kontrak' di bawah penghutang dagangan dan lain-lain. Sebaliknya, apabila bil berperingkat melebihi kos ditanggung dan keuntungan diiktiraf, baki tersebut ditunjukkan sebagai 'Jumlah hutang kepada pelanggan bagi kontrak' di bawah pembiayaan dagangan dan lain-lain.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(p) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan diakru dalam tahun bila mana perkhidmatan berkenaan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan mempunyai berbagai skim manfaat selepas perkhidmatan mengikut syarat dan amalan tempatan. Pelan manfaat ini adalah samada pelan caruman bertakrif atau pelan manfaat bertakrif.

Pelan caruman bertakrif adalah sebuah pelan penceن di mana Kumpulan membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan (sebuah tabung) dan tidak akan mempunyai tanggungjawab perundungan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika tabung tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh semasa atau tempoh sebelumnya. Pelan manfaat bertakrif adalah sebuah pelan penceن yang mentakrif jumlah manfaat penceن yang akan disediakan, biasanya berdasarkan fungsi satu atau lebih faktor, seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

Pelan caruman bertakrif

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman bertakrif dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia berkaitan. Apabila caruman tersebut dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran selanjutnya.

Pelan manfaat bertakrif

Kumpulan menyediakan peruntukan manfaat persaraan tidak bertabung kepada kakitangan yang layak yang telah berkhidmat dengan Kumpulan untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya selama sepuluh (10) tahun.

Kumpulan menentukan nilai semasa tanggungan manfaat bertakrif tersebut dengan kekerapan yang mencukupi supaya tanggungan yang diiktiraf dalam penyata kewangan tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan jumlah yang telah ditentukan pada tarikh yang tertentu. Tanggungjawab manfaat bertakrif yang dikira menggunakan kaedah unjuran kredit unit, ditentukan oleh aktuari yang bertaualiah setelah menimbangkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan menggunakan hasil pasaran pada tarikh penilaian bon korporat berkualiti tinggi. Penilaian aktuari terkini telah dilakukan pada 27 Disember 2005.

Kos perkhidmatan semasa yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan dikira berdasarkan kepada nilai semasa manfaat yang diakru sepanjang tahun kewangan selepas tarikh penilaian dengan merujuk kepada bilangan kakitangan yang layak dan unjuran gaji terakhir.

Keuntungan dan kerugian aktuari terhasil daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari. Keuntungan dan kerugian aktuari bersih akan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada jangkaan purata baki jangka hayat kerja bagi kakitangan yang mengambil bahagian dalam rancangan tersebut.

(iii) Manfaat pampasan ekuiti

Butir-butir mengenai Skim Pilihan Saham Kakitangan Kumpulan dinyatakan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan. Kumpulan tidak membuat sebarang caj kepada penyata pendapatan berhubung pilihan saham yang diberi. Apabila pilihan saham dilaksanakan, kutipan yang diterima dikreditkan kepada modal saham dan premium saham.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungjawab perundangan atau konstruktif semasa disebabkan oleh peristiwa lepas, apabila berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut, dan apabila anggaran jumlah yang munasabah boleh dibuat.

(i) Skim sewa terjamin dan ganti rugi tertentu

Kumpulan memperuntukkan bagi jangkaan tanggungan ke atas projek-projek yang masih dalam proses/tempoh jaminan pada tarikh kunci kira-kira. Peruntukan ini dikira berdasarkan kepada perjanjian kontrak/sejarah lalu.

(ii) Peruntukan lain

Kumpulan juga mengiktiraf anggaran yuran konsesi yang perlu dibayar kepada Kerajaan Malaysia pada tarikh kunci kira-kira berkaitan dengan konsesi untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara stesen keretapi pusat Kuala Lumpur oleh sebuah syarikat subsidiari. Peruntukan dikira berdasarkan kepada tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi.

(r) Bon

Bon yang diterbitkan oleh Kumpulan dinyatakan pada hasil bersih yang diterima semasa terbitan. Perbelanjaan penerbitan bon-bon tersebut yang mewakili perbezaan antara hasil bersih dan jumlah pembayaran bon diperuntukkan sepanjang tempoh bon pada kadar yang seragam ke atas jumlah dibawa dan dicaj kepada penyata pendapatan.

(s) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai merangkumi tunai ditangan, baki di bank, simpanan tuntutan, pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara, dan overdraf bank. Overdraft bank dinyatakan di dalam pinjaman di bawah tanggungan semasa dalam kunci kira-kira.

(t) Tanggungan luar jangka dan aset luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf tanggungan luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Sesuatu tanggungan luar jangka adalah tanggungan yang mungkin timbul daripada kejadian lepas yang mana kewujudannya akan disahkan oleh pelbagai peristiwa masa hadapan yang tidak dapat dipastikan di luar kawalan Kumpulan atau tanggungan semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak berkemungkinan pengaliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan ini. Sesuatu tanggungan luar jangka juga timbul daripada keadaan yang amat luar biasa di mana tanggungan tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh ditentukan dengan pasti.

Sesebuah aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan timbul daripada kejadian lepas yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian masa hadapan yang tidak dapat dipastikan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku, tetapi tidak dapat dipastikan.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(u) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan menurut undang-undang cukai bagi setiap peraturan undang-undang di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berasaskan kepada keuntungan yang dikenakan cukai dan cukai keuntungan harta tanah perlu dibayar daripada penjualan harta tanah.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah tanggungan, berasaskan perbezaan sementara yang timbul antara jumlah yang dibahagikan kepada aset dan tanggungan bagi tujuan percukaian dan jumlah dibawa mereka dalam penyata kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf ke tahap ia berkemungkinan bahawa keuntungan yang dikenakan cukai akan tersedia terhadap perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf berasaskan perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan usahasama kecuali apabila masa bagi penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan ada kemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa depan yang boleh dijangkakan.

Kadar cukai yang dikenakan atau dikenakan dengan ketara pada tarikh kunci kira-kira digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

(v) Rosotnilai aset

Harta tanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa lain, termasuk aset tidak ketara disemak bagi menentukan kerugian rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan tertentu menunjukkan bahawa jumlah dibawa tersebut mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi jumlah di mana jumlah dibawa aset tersebut melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah yang mana lebih tinggi antara harga jualan bersih aset tersebut dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menaksir rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap paling rendah di mana terdapat aliran tunai boleh dikenalpasti secara berasingan.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada penyata pendapatan. Sebarang peningkatan selanjutnya dalam jumlah yang boleh diperolehi semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(w) Permodalan faedah

Faedah ditanggung daripada pinjaman yang berkaitan dengan pembelian harta tanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian kos aset sehingga aset berkenaan sedia untuk kegunaan seperti yang dikehendaki. Faedah berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan harta tanah dipermodalkan sepanjang tempoh di mana aktiviti untuk menyedia dan membangunkan harta tanah dijalankan.

(x) Pengiktirafan perolehan

Perolehan meliputi nilai diinvois bagi jualan barang dan perkhidmatan, selepas ditolak cukai jualan, rebat dan diskau, dan selepas menghapuskan jualan di dalam Kumpulan.

Perolehan diiktiraf apabila barang dihantar dan diterima oleh pelanggan, di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan barang dipindahkan kepada pembeli atau perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan diselesaikan.

Perolehan berkaitan dengan kontrak kejuruteraan jangka panjang dan aktiviti pembangunan harta tanah diambilkira dengan kaedah peratusan siap; peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada kos sebenar yang ditanggung hingga kini kepada jumlah kos yang dianggarkan bagi setiap kontrak dan aktiviti pembangunan harta tanah. Untuk kontrak pembinaan, peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada nilai kerja yang ditanggung kepada jumlah anggaran kos kontrak tersebut.

Perolehan-perolehan lain yang dicapai oleh Kumpulan diiktiraf berdasarkan asas berikut:

- | | |
|--------------------|--|
| Pendapatan sewa | – berdasarkan akruan |
| Pendapatan faedah | – berdasarkan akruan |
| Pendapatan dividen | – apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran diwujudkan |

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(y) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang mempertingkatkan kedua-dua aset kewangan sesebuah syarikat dan tanggungan kewangan atau instrumen ekuiti sebuah syarikat lain.

Sesuatu aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada syarikat lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan syarikat lain dengan syarat-syarat yang mungkin memberi kelebihan atau sesebuah instrumen ekuiti syarikat lain.

Sesuatu tanggungan kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan tanggungan berkontrak untuk menghasilkan tunai atau aset kewangan lain kepada syarikat lain, atau untuk menukar instrumen kewangan dengan syarikat lain dengan keadaan yang berkemungkinan tidak memberi kelebihan.

(i) Instrumen kewangan diiktiraf di dalam kunci kira-kira

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam kunci kira-kira apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan di bawah kontrak dalam instrumen tersebut. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai tanggungan atau ekuiti mengikut isi kandungan pengaturan kontrak tersebut. Kaedah pengiktirafan khusus yang diambil pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira dinyatakan dalam dasar perakaunan berkaitan dengan setiap perkara secara individu.

(ii) Instrumen kewangan tidak diiktiraf di dalam kunci kira-kira

Kumpulan tidak mempunyai sebarang instrumen kewangan di luar kunci kira-kira.

(z) Laporan segmen

Laporan segmen dibentangkan untuk mempertingkatkan penaksiran risiko dan pulangan Kumpulan. Segmen perniagaan menyediakan barang atau perkhidmatan yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada segmen perniagaan lain. Segmen geografi menyediakan barang atau perkhidmatan dalam persekitaran ekonomi tertentu yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza daripada komponen yang beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang lain.

Perolehan, perbelanjaan, aset dan tanggungan segmen adalah jumlah yang terhasil daripada aktiviti operasi sesebuah segmen yang berkait secara langsung dengan segmen dan bahagian yang berkaitan yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada segmen tersebut. Perolehan, perbelanjaan, aset dan tanggungan segmen ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapuskira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali hingga ke tahap baki dan urusniaga dalam kumpulan tersebut adalah antara syarikat-syarikat dalam kumpulan di bawah segmen yang sama.

4. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Aktiviti yang dijalankan oleh Kumpulan mendedahkannya kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko kadar faedah, risiko kecairan dan aliran tunai dan risiko kredit. Matlamat pengurusan risiko kewangan Kumpulan secara keseluruhan bertujuan untuk memastikan Kumpulan mencipta nilai untuk pemegang sahamnya. Kumpulan memberi tumpuan kepada keadaan yang tidak boleh diramal di pasaran kewangan dan berusaha untuk mengurangkan kesan buruk yang berkemungkinan boleh menjelaskan prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada dasar-dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Kumpulan tidak terlibat dalam perdagangan instrumen kewangan.

(i) Risiko kadar faedah

Kumpulan membiayai operasinya melalui aliran tunai operasi dan pinjaman yang mana sebahagian besarnya adalah dalam Ringgit Malaysia. Kumpulan berpegang kepada dasar untuk mendapatkan profil kadar faedah yang diingini melalui campuran kadar tetap dan kadar terapung bagi kemudahan perbankan dan sekuriti hutang persendirian yang diperolehinya.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

4. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(ii) Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan menguruskan risiko kecairannya dengan mengekalkan tahap tunai atau pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai pada paras yang secukupnya dan mempunyai kemudahan kredit untuk memenuhi keperluan modal kerjanya.

(iii) Risiko kredit

Risiko kredit adalah kemungkinan kerugian daripada sesuatu urusniaga yang dijalankan sekiranya berlaku perlanggaran oleh pihak yang berurusniaga sepanjang tempoh atau semasa pembayaran untuk urusniaga tersebut. Kumpulan berusaha untuk mengawal risiko kredit dengan menetapkan had bagi pihak yang berurusniaga, dan/atau mendapatkan jaminan bank di mana wajar dan memastikan supaya jualan barang dan perkhidmatan dilakukan kepada pelanggan yang mempunyai rekod sejarah kredit yang memuaskan dan menerusi penggunaan dasar kredit lain yang ketat.

(b) Nilai saksama untuk tujuan pendedahan

Jumlah dibawa aset dan tanggungan kewangan berikut adalah mengikut anggaran nilai saksama mereka kerana tahap matang instrumen kewangan ini yang secara relatifnya berjangka pendek: simpanan, tunai dan baki di bank, penghutang dan pembiutang (termasuk jumlah bukan dagangan ter hutang kepada/oleh syarikat-syarikat kumpulan) dan pinjaman jangka pendek.

Nilai saksama pelaburan disebut harga bukan semasa diwakili oleh nilai pasaran mereka seperti yang dinyatakan dalam Nota 19 dan 21 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama pinjaman jangka panjang (termasuk Bon) dianggarkan menggunakan analisis aliran tunai yang didiskaunkan. Nilai dibawa pinjaman jangka panjang (termasuk Bon) adalah mengikut anggaran nilai saksama masing-masing berdasarkan kepada kadar pinjaman semasa bagi pinjaman yang serupa diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat.

5 PELUPUSAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

Kesan pelupusan ke atas kedudukan kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Pada tarikh pelupusan 2004 RM'000
Aset bersih dilupuskan:	
Hartanah, loji dan peralatan	165
Syarikat bersekutu	2,606
Entiti-entiti dikawal bersama	102
Penghutang dagangan dan lain-lain	66,339
Tunai dan baki di bank	941
Pembiutang dagangan dan lain-lain	(33,511)
Pinjaman berjangka	<u>(10,308)</u>
Aset bersih	26,334
Kepentingan minoriti	(21,017)
Muhhibah daripada penyatuhan	<u>333</u>
Aset bersih yang dilupuskan	5,650
Keuntungan daripada pelupusan	<u>37,274</u>
Jumlah pertimbangan diterima/akan diterima daripada pelupusan	42,924
Tolak: Tunai dan baki di bank	<u>(941)</u>
Tunai bersih daripada pelupusan kepentingan dalam syarikat-syarikat subsidiari	<u>41,983</u>

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

5 PELUPUSAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

- (i) Pada 30 Jun 2004, Syarikat telah menyelesaikan penjualan keseluruhan 70% kepentingan ekuitinya dalam Kumpulan Zelleco (M) Sendirian Berhad ('ZMSB') dengan pertimbangan berjumlah RM41.8 juta. Sebagai sebahagian daripada syarat-syarat jualan tersebut, Syarikat mengambil alih aset dan tanggungan tertentu dari kedua-dua ZMSB dan Zelleco Construction Sdn. Bhd., sebuah syarikat subsidiari ZMSB.
- (ii) Pada 2 Disember 2004, Syarikat telah menyelesaikan penjualan 22.48% kepentingan ekuitinya dalam MRCB Multimedia Consortium Sdn. Bhd. ('MMCSB') dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1.124 juta. Kepentingan ekuiti Syarikat dalam MMCSB telah berkurangan daripada 71.48% kepada 49.00% dan oleh itu MMCSB telah menjadi sebuah syarikat bersekutu Syarikat.

Kesan pelupusan ke atas keputusan Kumpulan adalah seperti berikut:

	2004 RM'000
Perolehan	7,409
Kos operasi	(5,082)
Keuntungan daripada operasi	2,327
Kos kewangan	(412)
Keuntungan sebelum cukai	1,915
Cukai	935
Keuntungan selepas cukai	2,850
Kepentingan minoriti	(1,453)
	1,397

6 PEROLEHAN

	Kumpulan 2005 RM'000	2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	2004 RM'000
Pembangunan harta tanah	232,481	120,084	149,715	20,173
Kontrak pembinaan	60,424	29,085	51,468	8,305
Pendapatan harta tanah pelaburan	14,973	13,780	—	—
Perkhidmatan bangunan	10,558	9,816	—	—
Pendapatan sewa	2,682	1,892	—	—
Penyediaan perkhidmatan lain	2,687	7,349	—	—
Kontrak teknologi maklumat	—	6,295	—	—
Yuran pengurusan	—	—	8,054	10,554
Pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat subsidiari (kasar)	—	—	6,334	2,125
Pendapatan faedah daripada stok pinjaman	—	—	1,214	1,217
Lain-lain	20	—	—	—
	323,825	188,301	216,785	42,374

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

7 KOS JUALAN

	Kumpulan 2005 RM'000	Kumpulan 2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	Syarikat 2004 RM'000
Kos inventori dijual	14,073	341	–	–
Kos pembangunan hartanah	137,435	60,612	126,655	18,393
Kos kontrak pembinaan	47,354	20,940	48,343	7,641
Perkhidmatan bangunan	5,417	4,052	–	–
Lain-lain	12,780	19,011	–	(80)
	217,059	104,956	174,998	25,954

8 PENDAPATAN OPERASI LAIN

Keuntungan daripada pelupusan/pencairan pelaburan dalam:

• syarikat-syarikat subsidiari	–	21,014	–	34,624
• sekuriti bolehniaga	1,059	–	1,059	–
	1,059	21,014	1,059	34,624

Pendapatan operasi lain diperolehi selepas dikreditkan:

Pendapatan sewa daripada tanah dan bangunan	3,033	4,104	1,322	1,125
Pendapatan sewa daripada aset lain	890	688	–	–
Pendapatan faedah daripada:				
– syarikat-syarikat subsidiari	–	–	1,163	1,166
– simpanan tetap	3,472	3,522	290	1,043
– lain-lain	1,385	1,895	863	1,264
Hutang lapuk diperolehi semula	32	1,023	32	–
Penyataan semula akruan yang tidak lagi diperlukan	4,290	–	–	–
Perampasan bil berperingkat dan pendahuluan *	3,290	208	–	–
Pendapatan pampasan	171	–	–	–
Faedah dikecualikan	–	3,777	–	–

* Termasuk di dalam jumlah ini pada tahun 2005 adalah cadangan pelupusan blok pejabat, Menara MRCB dengan pertimbangan tunai sebanyak RM55.0 juta yang telah dibatalkan dengan 5% wang pendahuluan telah diambil.

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

9 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DARIPADA OPERASI

	Kumpulan 2005 RM'000	2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	2004 RM'000
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi diperolehi selepas dicaj/(dikreditkan):				
Ganjaran juruaudit				
– audit berkanun	391	363	73	50
– bukan audit berkanun	111	132	104	125
Kos kakitangan (termasuk ganjaran para pengarah) (Nota 10)	40,555	42,137	8,244	8,982
Hartanah, loji dan peralatan operasi:				
– susutnilai	4,593	5,297	689	1,010
– dihapuskira	8	205	–	198
– (keuntungan)/kerugian bersih daripada pelupusan	(412)	(1,468)	8	(39)
Susutnilai bagi harta tanah pelaburan	2,908	4,016	–	–
Penyataan semula perbelanjaan pembangunan lebuhraya	(30)	–	–	–
Peruntukan bagi inventori usang	–	405	–	85
Sewa:				
– premis	12	–	2,095	2,225
– kenderaan bermotor	4	15	–	1
– peralatan pejabat	225	211	37	100
Sewa loji dan jentera/peralatan	–	12	–	–
Hutang lapuk dihapuskira	–	3,242	–	3,025
(Penyataan semula)/peruntukan bagi tanggungan dan caj	(1,917)	38	–	–
Pelunasan perbelanjaan terbitan bon	1,012	1,012	–	–
Keuntungan bersih yang nyata daripada tukaran asing	–	(4)	–	(4)
Kerugian rosotnilai/(penyataan semula kerugian rosotnilai) daripada:				
• syarikat-syarikat subsidiari	–	–	14,047	30,972
• syarikat-syarikat bersekutu	–	7,089	–	–
• tanah dipegang bagi pembangunan hartanah	1,687	286	–	–
• sekuriti bolehniaga	7,186	(14,492)	6,986	(14,492)
Muhibah dihapuskira	–	145	–	–

10 KOS KAKITANGAN

Upah, gaji dan bonus	30,849	32,012	5,742	6,396
Pelan caruman bertakrif	3,376	3,781	864	875
Pelan manfaat bertakrif (Nota 33)	1,488	1,318	324	365
Manfaat penamatan	54	8	54	8
Manfaat lain kakitangan	4,788	5,018	1,260	1,338
	40,555	42,137	8,244	8,982

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

11 GANJARAN PARA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Azlan Mohd Zainol (Pengerusi)

Abdul Rahman Ahmad

Dato' Ahmad Hj. Ibnihajar

Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar

Dr. Roslan A Ghaffar

Ahmad Zaki Zahid

Mohamad Lotfy Mohamad Noh

Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail (Pengerusi)

(dilantik pada 20.7.2005)

(meletak jawatan pada 12.1.2005)

Pengarah Eksekutif

Shahril Ridza Ridzuan (Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif)

Datuk Zahari Omar (Naib Presiden Eksekutif)

(bersara pada 26.5.2005)

Jumlah ganjaran yang telah diterima/akan diterima oleh para Pengarah Syarikat bagi tahun kewangan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
Pengarah Bukan Eksekutif:				
– yuran	279	176	279	169
– emolumen	92	72	92	72
	371	248	371	241
Pengarah Eksekutif:				
– gaji dan bonus	588	466	588	466
– pelan caruman bertakrif	146	154	146	154
– manfaat lain kakitangan	183	200	183	200
	917	820	917	820
	1,288	1,068	1,288	1,061
Manfaat bukan berbentuk wang				
Pengarah Bukan Eksekutif	4	40	4	40
Pengarah Eksekutif	14	14	14	14
	18	54	18	54

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

11 GANJARAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

Pada akhir tahun kewangan Pengarah Eksekutif Syarikat telah diberi pilihan di bawah Skim Pilihan Saham Kakitangan Malaysian Resources Corporation Berhad seperti berikut:

Tahun berakhir 31.12.2005

Tarikh pemberian	Tarikh luput	Harga pelaksanaan RM/saham	Pada 1.1.2005	Diberi	Dilaksana	Meletakkan Jawatan	Pada 31.12.2005
6 Sep 2002	4 Sep 2007	1.06	475,000	–	–	(225,000)	250,000
26 Mei 2003	4 Sep 2007	1.00	430,000	–	–	(180,000)	250,000
			905,000	–	–	(405,000)	500,000

Tahun berakhir 31.12.2004

Tarikh pemberian	Tarikh luput	Harga pelaksanaan RM/saham	Pada 1.1.2004	Diberi	Dilaksana	Pada 31.12.2004
6 Sep 2002	4 Sep 2007	1.06	475,000	–	–	475,000
26 Mei 2003	4 Sep 2007	1.00	430,000	–	–	430,000
			905,000	–	–	905,000

12 KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
Yuran pengaturan untuk pinjaman Perbelanjaan faedah daripada:				
– pinjaman berjangka	5,173	3,245	1,964	651
– overdraf bank, resit amanah dan bil-bil perlu dibayar	18,433	26,613	4,774	10,303
– sewa beli	33	328	–	–
– stok pinjaman	109	813	33	22
– pendahuluan antara syarikat	671	673	–	–
– lain-lain	–	–	3,001	3,078
Caj kewangan ke atas terbitan bon	839	1,256	–	–
	31,821	32,769	–	–
	57,079	65,697	9,772	14,054

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

13 CUKAI

	Kumpulan 2005 RM'000	2004 RM'000	Syarikat 2005 RM'000	2004 RM'000
(a) Cukai dicaj bagi tahun kewangan				
Di Malaysia:				
Cukai semasa	4,559	5,589	—	—
Kurangan/(lebihan) akruan pada tahun-tahun terdahulu	4,401	(23,508)	—	(16,831)
Cukai tertunda (Nota 22)	(681)	1,986	—	—
	8,279	(15,933)	—	(16,831)
Cukai semasa				
Tahun semasa	4,559	5,589	—	—
Kurangan/(lebihan) akruan pada tahun-tahun terdahulu (bersih)	4,401	(23,508)	—	(16,831)
Cukai tertunda				
Asal dan penyataan semula daripada perbezaan sementara	9,820	13,119	—	—
Manfaat daripada kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelumnya	(10,501)	(11,133)	—	—
	8,279	(15,933)	—	(16,831)
(b) Pelarasan angka bagi perbelanjaan cukai pendapatan				
Penjelasan mengenai hubungan antara perbelanjaan cukai dan keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:				
Keuntungan/(kerugian) daripada aktiviti biasa sebelum cukai	24,951	22,338	5,142	(35,253)
Cukai yang dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 28% (2004: 28%)	6,986	6,255	1,440	(9,871)
Kesan cukai daripada:				
Pindahan kawalan	—	352	—	—
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(5,546)	(25,216)	(3,058)	(1,917)
Perbelanjaan tidak boleh dikurangkan untuk tujuan cukai	10,187	30,718	2,315	12,935
Penggunaan kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelumnya	(15,091)	(354)	(271)	—
Penggunaan perbezaan sementara yang boleh dikurangkan tidak diiktiraf sebelumnya	(707)	(11,925)	—	—
Kurangan/(lebihan) akruan cukai pada tahun-tahun terdahulu	3,967	(32,651)	—	(24,893)
Cukai kredit	(3,263)	(2,566)	—	—
Kesan kadar cukai bagi perniagaan kecil dan sederhana	(47)	(80)	—	—
Kerugian cukai tahun semasa tidak diiktiraf	11,272	15,908	—	4,790
Perbezaan sementara lain yang boleh dikurangkan tidak diiktiraf	521	3,626	(426)	2,125
Cukai dicaj/(dibayar balik)	8,279	(15,933)	—	(16,831)

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

14 PENDAPATAN SESAHAM

(a) Pendapatan atas sesaham

Pendapatan atas sesaham Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham kepada purata berwajaran bilangan saham biasa dalam terbitan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2005	2004
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang saham (RM'000)	13,766	33,609
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Purata berwajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	768,186	768,183
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pendapatan atas sesaham (sen)	1.8	4.4
<hr/>	<hr/>	<hr/>

(b) Pendapatan dicairkan sesaham

Pendapatan dicairkan sesaham tidak dinyatakan dalam penyata kewangan kerana kesan daripada pertukaran pilihan di bawah Skim Pilihan Saham Kakitangan Malaysian Resources Corporation Berhad yang diandaikan sepanjang tahun kewangan adalah bersifat anti-kecairan seperti di dalam FRS 133 ‘Pendapatan Sesaham’.

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Nilai buku bersih	Kumpulan		Syarikat	
	2005 RM'000	2004 RM'000	2005 RM'000	2004 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan operasi (Nota 15(a))	22,869	20,624	1,242	1,038
Hartanah pelaburan (Nota 15(b))	174,004	176,912	–	–
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	196,873	197,536	1,242	1,038

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

15(a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN OPERASI

Kumpulan	Tanah pegangan bebas dan bangunan RM'000	Loji dan jentera RM'000	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
2005					
Kos					
Pada 1.1.2005					
	11,116	7,663	27,554	2,682	49,015
Penambahan	220	432	4,709	2,702	8,063
Pelupusan	–	(3,204)	(78)	(999)	(4,281)
Hapuskira	–	(1,255)	(593)	(1)	(1,849)
Pada 31.12.2005	11,336	3,636	31,592	4,384	50,948
Susutnilai terkumpul					
Pada 1.1.2005					
	317	2,451	21,360	1,565	25,693
Caj bagi tahun kewangan	98	767	3,146	582	4,593
Pelepasan daripada pelupusan	–	(675)	(60)	(799)	(1,534)
Hapuskira	–	(543)	(301)	(1)	(845)
Pada 31.12.2005	415	2,000	24,145	1,347	27,907
Kerugian rosotnilai terkumpul					
Pada 1.1.2005					
	–	2,404	294	–	2,698
Pelepasan daripada pelupusan	–	(1,530)	–	–	(1,530)
Hapuskira	–	(711)	(285)	–	(996)
Pada 31.12.2005	–	163	9	–	172

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

15(a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN OPERASI (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Tanah pegangan bebas dan bangunan RM'000	Loji dan jentera RM'000	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
2004					
Kos					
Pada 1.1.2004	23,464	21,768	30,327	3,712	79,271
Penambahan	–	2,006	2,997	264	5,267
Pelupusan	(1,455)	(16,111)	(3,188)	(1,294)	(22,048)
Pindahan kepada inventori	(10,893)	–	–	–	(10,893)
Hapuskira	–	–	(837)	–	(837)
Pelupusan syarikat-syarikat subsidiari	–	–	(1,745)	–	(1,745)
Pada 31.12.2004	11,116	7,663	27,554	2,682	49,015
Susutnilai terkumpul					
Pada 1.1.2004	1,088	12,863	21,907	2,287	38,145
Caj bagi tahun kewangan	98	464	4,276	459	5,297
Pelepasan daripada pelupusan	(89)	(10,876)	(2,611)	(1,181)	(14,757)
Pindahan kepada inventori	(780)	–	–	–	(780)
Hapuskira	–	–	(632)	–	(632)
Pelupusan syarikat-syarikat subsidiari	–	–	(1,580)	–	(1,580)
Pada 31.12.2004	317	2,451	21,360	1,565	25,693
Kerugian rosotnilai terkumpul					
Pada 1.1.2004	1,572	4,970	294	–	6,836
Pindahan kepada inventori	(1,185)	–	–	–	(1,185)
Pelepasan daripada pelupusan	(387)	(2,566)	–	–	(2,953)
Pada 31.12.2004	–	2,404	294	–	2,698
Nilai buku bersih					
Pada 31.12.2005	10,921	1,473	7,438	3,037	22,869
Pada 31.12.2004	10,799	2,808	5,900	1,117	20,624

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

15(a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN OPERASI (SAMBUNGAN)

Maklumat terperinci bagi tanah dan bangunan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Tanah pegangan bebas RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan			
2005			
Kos			
Pada 1.1.2005	6,269	4,847	11,116
Penambahan	–	220	220
Pada 31.12.2005	6,269	5,067	11,336
Susutnilai terkumpul			
Pada 1.1.2005	–	317	317
Caj bagi tahun kewangan	–	98	98
Pada 31.12.2005	–	415	415
2004			
Kos			
Pada 1.1.2004	7,777	15,687	23,464
Pelupusan dan pindahan kepada inventori	(1,508)	(10,840)	(12,348)
Pada 31.12.2004	6,269	4,847	11,116
Susutnilai dan kerugian rosotnilai terkumpul			
Pada 1.1.2004	–	2,660	2,660
Caj bagi tahun kewangan	–	98	98
Pelepasan daripada pelupusan dan pindahan kepada inventori	–	(2,441)	(2,441)
Pada 31.12.2004	–	317	317

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

15(a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN OPERASI (SAMBUNGAN)

	Tanah pegangan bebas RM'000	Bangunan RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih			
Pada 31.12.2005	6,269	4,652	10,921
Pada 31.12.2004	6,269	4,530	10,799
Syarikat			
2005	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
Kos			
Pada 1.1.2005	8,539	620	9,159
Penambahan	1,058	–	1,058
Pelupusan	(37)	(405)	(442)
Pada 31.12.2005	9,560	215	9,775
Susutnilai terkumpul			
Pada 1.1.2005	7,780	341	8,121
Caj bagi tahun kewangan	606	83	689
Pelepasan daripada pelupusan	(34)	(243)	(277)
Pada 31.12.2005	8,352	181	8,533

nota-nota kepada penyata kewangan

– 31 Disember 2005 (sambungan)

15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

15(a) HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN OPERASI (SAMBUNGAN)

	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
Syarikat			
2004			
Kos			
Pada 1.1.2004	9,022	810	9,832
Penambahan	364	–	364
Pelupusan	(40)	(190)	(230)
Hapuskira	(807)	–	(807)
Pada 31.12.2004	<hr/> 8,539	<hr/> 620	<hr/> 9,159
Susutnilai terkumpul			
Pada 1.1.2004	7,539	359	7,898
